

## Pelayaran Menjejaki Warisan Sejarah Munsyi Abdullah di Eropah: Sebuah Album Pengalaman



### Dr Hadijah Rahmat

Profesor Madya, Institut Pendidikan Nasional

**Tarikh:** Rabu, 17 Ogos 2011

**Masa:** 11.00-12.30tgh

**Tempat:** ALC Journal Room (NIE3-03-39)  
Institut Pendidikan Nasional, NTU

### Abstrak

Dr Hadijah Rahmat telah menjalankan beberapa kajian mengenai Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi (1797-1854 AD), seorang pemikir dan penulis ulung dalam Dunia Melayu pada abad ke 19. Baru-baru ini, beliau telah melanjutkan kajian ketika bersabatical di dua buah universiti di Eropah: Institut Antarabangsa Pengajian Asia (IIAS), Universiti Leiden, dan Sekolah Pengajian Timur dan Afrika (SOAS), Universiti London. Untuk kajian sabatical ini, beliau mencari jejak-jejak peninggalan Munsyi Abdullah yang masih terdapat di Eropah, jalinan hubungan Abdullah dengan orang-orang Eropah dan bagaimana semua faktor dinamik ini telah mempengaruhi perkembangan sastera Melayu-Indonesia modern dan juga sejarah penjajahan di Asia Tenggara.

Dalam seminar ini, Dr Hadijah akan berkongsi pengalaman beliau meneroka dan meneliti pelbagai bahan sejarah yang terdapat di dua universiti ternama di Eropah ini, khususnya mengenai koleksi manuskrip Melayu lama yang tersimpan di Legatum Wameranum, Universiti Leiden, dan juga di Arkib Persatuan Mubaligh London (1764-1977) di Universiti London. Kegiatan kajian dan pengalaman beliau yang pelbagai dan menarik selama enam bulan di Eropah ini telah dirakamkan dalam foto dan akan dikongsi dan dibincangkan dalam seminar ini.

### Biodata:

Dr Hadijah Rahmat ialah Profesor Madya dan Timbalan Ketua di Kumpulan Akademik Bahasa dan Kebudayaan Asia, Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang, Singapura. Antara buku-buku yang dihasilkan termasuk *Sastera dan Manusia Melayu Baru: Kumpulan Esei dan Wawancara* (1998), *Munsyi*, sebuah drama sejarah berdasarkan autobiografi Abdullah bin Sheikh Abdul Kadir Munshi (1998), *Antara Dua Kota: Mengesan Jejak-jejak Peninggalan Munsyi Abdullah di Melaka dan Singapura* (1999), *In Search of Modernity: A Study of the Concepts of Literature, Authorship and Notions of Self in 'Traditional' Malay Literature* (2001), dan *Peranan dan Perkembangan Sastera Kanak-kanak Melayu* (2006).



**Semua dipersilakan hadir!**



Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Penyelaras Siri Seminar Jalinan Budi, Dr Mukhlis Abu Bakar, di  
[mukhlis.abubakar@nie.edu.sg](mailto:mukhlis.abubakar@nie.edu.sg)